

BIL	<i>PREAMBLES</i>
	<p><b>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</b></p> <p>A Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan senarai kuantiti yang diterangkan didalamnya.</p> <p>B Kontraktor adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami semua kandungan dokumen senarai kuantiti ini termasuk semua keterangan di dalam <i>preambles</i> , kerja-kerja awalan (<i>preliminaries</i>), senarai kuantiti dan spesifikasi kerja. ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam spesifikasi kerja dan senarai kuantiti ini. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada pegawai penguasa atau wakil pegawai penguasa sekiranya terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.</p> <p><b>BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI PENGURUSAN KONTRAK</b></p> <p>C Pentender akan menanggung Fi perkhidmatan bagi pengurusan Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada <b>LAMPIRAN A</b> dalam Arahan Kepada Pentender.</p> <p><b>BAHAN-BAHAN ELEKTRIK</b></p> <p>D Semua bahan dan peralatan elektrik yang digunakan hendaklah yang baru (belum terpakai) dan sesuai kepada sistem bekalan tempatan.</p> <p>E Untuk bahan-bahan dan peralatan elektrik, hanya jenama-jenama, jenis atau model-model yang telah diluluskan dari semasa ke semasa akan diterima dan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa .</p> <p>F Bagi bahan-bahan dan peralatan-peralatan elektrik di mana tiada jenama, jenis atau model yang telah diluluskan, maka pertimbangan untuk penggunaan barang-barang ini boleh dipertanggungjawabkan kepada Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa.</p> <p><b>SYARAT-SYARAT</b></p> <p>G Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah mematuhi Undang-Undang, Undang-Undang Kecil, Peraturan-peraturan, dan Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Suruhanjaya Tenaga</li> <li>ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan</li> <li>iii. Jabatan Bomba dan Penyelamat</li> <li>iv. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.</li> <li>v. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik.</li> <li>vi. Pihak Berkuasa Tempatan.</li> </ul>

BIL	<i>PREAMBLES</i>
A	<p><b>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMB.)</b></p> <p>Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah juga mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan dengannya di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Spesifikasi Standard JKR Cawangan Elektrik</li><li>ii. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan semasa</li><li>iii. Undang-undang Kecil Seragam Bangunan semasa</li><li>iv. Peraturan-peraturan Elektrik 1994</li><li>v. Edisi terbaru MS IEC 364;1996 / BS 7671 ( IEE Wiring Regulation)</li><li>vi. 'Standards and Codes of Practice' berkenaan yang dikeluarkan oleh SIRIM/Jabatan Standard.</li></ul>
B	<p>Pengujian:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i-Kerja-kerja elektrik hendaklah diuji mengikut Peraturan-Peraturan yang telah ditetapkan dan semua keputusan ujian hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa.</li><li>ii-Kontraktor hendaklah berurusan dengan pihak Pemegang Lesen / Pihak Berkuasa Bekalan seperti Tenaga Nasional Berhad dan sebagainya untuk keperluan seperti pemeriksaan, pengujian, penyambungan bekalan elektrik, pemasangan meter dan lain-lain.</li></ul>